

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA TERENGGANU
PERMOHONAN UNTUK PERLAKSANAAN NO : TA-38-77-08/2017
SAMAN PEMULA NO : TA-24FC-32-08/2016

ANTARA

MBSB BANK BERHAD
(NO. SYARIKAT : 716122-P)

PLAINTIF

DAN

1. ASMAH BINTI MOHD
(NO. K/P : 670517-11-5306)

DEFENDAN-DEFENDAN

2. AWANG BIN ABD RAHMAN
(NO. K/P : 600715-11-5477)

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

Pada 7 OGOS 2024 bersamaan dengan hari RABU

Jam 11.30 pagi

DI BILIK LELONG TINGKAT 2A, MAHKAMAH TINGGI MALAYA
KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

NOTA : Bakal Pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenalpasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH.

(Seunit rumah teres satu tingkat yang beralamat PT 1855, Taman Mawar 1, Kg. Tempurung, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman.)

Hartanah ini yang berketerangan GM 1105, Lot 2196, Mukim Binjai, Daerah Kemaman. Boleh dihubungi pusat bandar melalui Jalan Air Putih – Cukai sejauh 2.5 km dan Jalan Kubang Kurus - Bukit Mentok sejauh 200 meter. Kemudian, pusing ke Jalan Mawar 1. Kawasan sekeliling terdapat Pusat Memandu Kereta (PSM), SK Pusat Kemaman dan Klinik Kesihatan Batu 2 ½. Taman berdekatan terdapat Taman Binjai Dahlia, Taman Permai Jaya dan Taman Cempaka. Hartanah ini mempunyai keluasan tanah 141 meter persegi. Didirikan atas hartanah ini ialah seunit rumah teres satu tingkat. Akomodasi bangunan ialah tempat letak kereta, teres, ruang tamu, ruang makan, bilik tidur utama dengan bilik air/tandas, dua bilik tidur, dapur dan bilik air/tandas. Kemas lantai bangunan ialah seramik tiles. Keluasan lantai bangunan ialah 101.88 meter persegi.

HARGA REZAB. Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM 95,659.38 (Ringgit Malaysia : Sembilan Puluh Lima Ribu Enam Ratus Lima Puluh Sembilan Dan Tiga Puluh Lapan Sen Sahaja)** dan kepada syarat-syarat jualan yang dicetakkan di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit **10%** daripada harga rizab dalam bentuk bank draf diatas nama **MBSB BANK BERHAD** melalui Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Terengganu sebelum jam 09.30 pagi pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada **MBSB BANK BERHAD**.

Semua pembida yang ingin membida lelongan awam di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Terengganu adalah dikehendaki mengemukakan bank deraf beserta dengan salinan slip permohonan bank deraf atas nama pembida sahaja. Pembida yang mengemukakan bank deraf sahaja akan ditolak.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan :-

- 1) Nama Pelelong : Wan Nur Fawina Binti Wan Mohamad Fauzi
Syarikat Pelelong : Faida Properties
Alamat : Lot 3674-E, Berhadapan Kompleks Tennis MBKT, 21100 Padang Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.
No. Telefon : 019-6003440
Email : faidahartanah@gmail.com
No. Rujukan : FP/KEM/2024/01
- 2) Firma Guaman : Tetuan Ana Shahrana Annuar & Co
Alamat : No. 17 & 17-A, Jalan Anggerik 1, Taman Paya Rumput Perdana, 76450 Melaka.
No. Tel : 06-3124236 (No. Faks : 06-3124226)
No. Rujukan : ASAC/MLK/idah/3055/13(MBSB-KT)